

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. 'Menjelang kejatuhan kota Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, perdagangan Melaka telah mencapai kemuncaknya, suatu perkembangan pesat yang mengagumkan dalam tempoh masa kurang daripada seratus tahun, walhal terdapat perbezaan ketara di antara masyarakat yang agak primitif yang dikisahkan dalam sumber-sumber China pada permulaan abad ke-15 dan emporium perdagangan yang diterangkan oleh para penulis Portugis pada penghujung abad yang sama.'

A.M.P. Meilink-Roelopsz, Asian Trade and European Influence in Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630 (The Hague: M. Nijhoff, 1969), ms. 35. Bincangkan.

2. Sejauhmanakah anda bersetuju bahawa kegiatan pelanunan yang diamalkan oleh orang-orang Iban dari Skrang dan Saribas di persisiran utara barat-laut Borneo pada 1820an hingga 1850an merupakan ciri kebudayaan mereka?
3. Unsur ekonomi merupakan sebab utama bagi menerangkan perluasankuasa British ke Negeri-Negeri Melayu pantai barat pada tahun 1873-74. Bincangkan.
4. Bincangkan sumbangan modal dan perusahawaan (entrepreneurship) Eropah terhadap perubahan ekonomi Borneo Utara British dan Sarawak sebelum tahun 1941.
5. Pertumbuhan dan perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah di negeri-negeri pantai barat banyak bermanfaat kepada penduduk pribumi Melayu di Tanah Melayu. Ulaskan.

.../2

6. Sejauhmanakah perkembangan sistem pengangkutan jalanraya dan landasan keretapi di Negeri-Negeri Melayu pantai timur (Kelantan, Trengganu dan Pahang) dan di Sarawak sebelum 1941 memperlihatkan persamaan dan perbezaan.
7. Golongan kaum pribumi di Sarawak dan Borneo Utara British tidak diberi peluang untuk memperolehi persekolahan formal corak sistem barat semasa zaman penjajahan. Bahaskan.
8. Orang China memainkan peranan yang sangat utama dan ketara dalam ekonomi Malaysia pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Huraikan.

--ooo000ooo--